

Headline	TNB salur bantuan mangsa banjir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	10
ArticleSize	200 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,626		



TNB salur bantuan mangsa banjir

KUANTAN – Prihatin dengan nasib mangsa banjir di negeri ini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) membelanjakan RM3.25 juta bagi penggunaan 40 set janakuasa menyalurkan bekalan elektrik sementara di kawasan yang dilanda banjir.

TNB juga menyerahkan sumbangan tambahan RM250,000 kepada Tabung Bencana Banjir Negeri Pahang bagi meringankan beban mangsa banjir, di sini.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (Kettha), Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, TNB juga memberi RM20,000 di Johor dan RM20,000 di Terengganu.

“Sumbangan kepada Johor dan Terengganu itu tidak termasuk kira-kira RM600,000 yang dibelanjakan oleh TNB bagi set-set jana kuasa di negeri ini.

“Di Pahang, pencawang masuk utama di Kuantan Utara turut ditenggelami air, menyebabkan 76,269 pengguna menghadapi masalah bekalan elektrik pada kejadian banjir 4 Disember lalu. Anggaran kos pemasangan danbaiki kerosakan di pencawang ini adalah RM7.7 juta,” katanya.

Sumbangan RM250,000

diserahkan oleh Pengurus Besar Kanan, Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi TNB, Datuk Ir Mohd

Aminuddin Mohd Amin kepada Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaakob.

Adnan berkata, sumbangan itu dapat meringankan beban mangsa banjir di sini.

Beliau turut mengalu-alukan sumbangan daripada

pelbagai pihak yang tampil memberikan bantuan supaya mangsa banjir ini dapat meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

“Tidak dapat dinafikan ramai yang terpaksa memulakan hidup dengan status muflis apabila kehilangan harta dan barang berharga.

“Oleh itu, selain sumbangan RM500 dari kerajaan persekutuan dan RM250 dari kerajaan negeri, sumbangan pihak korporat seperti TNB ini dialu-alukan,” katanya ketika ditemui media sempena majlis penyerahan sumbangan yang disampaikan di Kompleks Yayasan Pahang.



Mahdzir (tiga, kanan) menyerahkan replika cek RM250,000 kepada Adnan (dua, kanan) untuk sumbangan Tabung Bencana Banjir Negeri Pahang di Kompleks Yayasan Pahang, semalam.